

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan untuk Sarawak bagi Projek Lampu Jalan Kampung pada tahun 2019 dan butiran agihan projek tersebut mengikut Bahagian di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2019, pelaksanaan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Negeri Sarawak telah memasuki fasa yang ketujuh (ke-7). Sebanyak RM9.13 juta akan diperuntukkan oleh Kementerian bagi pemasangan 4,500 unit LJK, dengan pecahan 1,500 unit LJK jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 3,000 unit LJK jenis *light emitting diode* (LED), untuk diagihkan bagi pemasangan di 30 buah Parlimen luar dan pinggir bandar di seluruh Sarawak. Pecahan agihan LJK adalah mengikut Parlimen dengan agihan sebanyak 50 unit HPSV dan 100 unit LED bagi setiap Parlimen yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.